

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
(PONTIAN)**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha yang dibuat bagi memastikan perairan negara khasnya dan pertahanan negara umumnya berada di tahap tertinggi serta nyatakan bukti-bukti yang peristiwa pencerobohan Tanduo di Sabah bukan sandiwara seperti dinyatakan oleh pihak pembangkang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang melibatkan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi memastikan perairan negara khususnya dan pertahanan negara umumnya berada di tahap tertinggi adalah dengan pelaksanaan operasi-operasi secara berterusan di seluruh perairan negara meliputi Laut China Selatan, Selat Melaka, Perairan Timur Sabah dan Perairan Tenggara Johor.

Operasi-operasi yang dilaksanakan termasuk operasi tunggal (melibatkan satu cabang perkhidmatan) dan operasi gabungan yang melibatkan ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM. Bagi memperkukuhkan lagi kawalan perairan negara kerjasama rondaan bersama negara jiran turut dijalinkan seperti di perairan Selat Melaka di bawah inisiatif Malacca Straits Patrol (MSP) yang melibatkan kerjasama Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand. Di bawah inisiatif ini kerjasama rondaan terkoordinasi laut yang dikenali Malacca Straits Sea Patrol (MSSP) dan pengawasan ruang udara bersama yang dikenali Eyes In The Sky (EiS) dilaksanakan. Begitu juga di Pantai Timur Sabah turut diwujudkan kerjasama di antara Malaysia, Filipina dan Indonesia di bawah Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) yang melibatkan elemen rondaan maritim (Trilateral Maritime Patrol) dan rondaan udara (Trilateral Air Patrol) yang melibatkan kerjasama Tentera Laut dan Tentera Udara dari ketiga-tiga buah negara berkenaan.

Bagi pencerobohan Tanduo, suka saya tegaskan kejadian ini adalah satu kejadian yang benar-benar berlaku dan bukannya suatu sandiwara yang menjadi rekaan semata-mata seperti tuduhan ahli politik pembangkang. Pencerobohan di Kg Tanduo, Felda Sahabat 17, Lahad Datu, Sabah yang didalangi oleh satu kumpulan orang bersenjata, dikenali sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu bermula pada 12 Februari 2013, telah mengorbankan seramai 10 anggota keselamatan (8 polis dan 2 anggota tentera).

## **NO. SOALAN : 21**

Berdasarkan maklumat dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) beberapa kejadian pencerobohan dan keganasan yang telah dilakukan oleh kumpulan ini telah dilaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sebagai contohnya, bagi Cenderawasih Repot: 124/13, siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 130C (1)(a) Kanun Keseksaan (Melakukan Perbuatan Penganas), di mana seramai 4 orang Pegawai Kanan Polis/Anggota telah terkorban di dalam pertempuran tersebut. Di dalam kes ini, seramai 19 Orang Kena Tuduh (OKT) telah didakwa di Mahkamah dan seramai 4 orang telah dijatuhi hukuman gantung sampai mati, manakala seorang dihukum penjara sepanjang hayat.

Manakala bagi Semporna Repot: 1150/13, siasatan telah dijalankan di bawah Seksyen 130C (1)(a) Kanun Keseksaan (Melakukan Perbuatan Penganas), di mana seramai 6 orang Pegawai Kanan Polis/Anggota telah terkorban. Bagi kes ini pihak mahkamah telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada 4 orang penceroboh dan seorang lagi dihukum penjara 10 tahun.

Sehubungan itu, ianya amat jelas bahawa kes pencerobohan ini bukanlah suatu sandiwara kerana ianya melibatkan banyak nyawa terutamanya anggota keselamatan yang telah terkorban dan tercedera demi mempertahankan kedaulatan negara.

Terima kasih.